

02/03/1998

Perpaduan tonggak kelangsungan Umno

Pemerhati

MENJELANG pemilihan pucuk pimpinan Umno peringkat bahagian Mac ini saya ingin mengajak pembaca merenung nasihat Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai cara mengelakkan pertandingan di peringkat bahagian.

Presiden selaku pemimpin yang berpengalaman tidak mahu kesan negatif akibat pertandingan menular ke dalam parti yang sepatutnya membela nasib orang Melayu, bukan membunuh demokrasi.

Menjelang setiap pertandingan saya kluatir berlaku perpecahan dan yang membawa kesan negatif kepada parti serta nasib bangsa Melayu.

Setiap kali ada pertandingan pasti wujud perpecahan dan timbullah istilah 'kem' serta 'orang itu', 'orang ini' dan inilah yang menjadi titik mula perpecahan dalam parti.

Natijahnya akan wujud senario menfitnah, umpat serta mengeji antara ahli terbabit.

Dua kejadian di cawangan Umno di Melaka pada 15 Februari lalu memalukan Umno dan ahlinya.

Perpecahan itu pula tidak berakhir selepas pertandingan, tetapi akan berterusan dan berpanjangan.

Tidak cukup dengan perpecahan yang ditimbulkan dalam pertandingan, kita juga menghadapi masalah yang diistilahkan sebagai politik wang yang kian menular.

Pada musim pertandingan inilah pengikut 'setia' mula mengaut keuntungan dan menjadi mewah dengan mengambil kesempatan di atas 'keterdesakan' pucuk pimpinan mencari undi.

Jika ini dibiarkan berterusan, saya kluatir budaya materialistik akan wujud di kalangan ahli parti.

Ini akan mengakibatkan pemimpin yang bakal dipilih untuk memimpin parti adalah berdasarkan kekayaan, bukan lagi atas sifat kepemimpinan dan semangat juangnya membela nasib bangsa Melayu.

Senario ini pula jika dibiarkan berleluasa akan menggalakkan lagi jenayah kolar putih di kalangan pucuk pimpinan parti kerana pemimpin terpaksa melakukannya semata-mata untuk memenuhi 'sifat' seorang pemimpin zaman siber dan ini pastinya menjejaskan matlamat perjuangan parti.

Saya menjadi terlalu kluatir memikirkan masa depan Umno dan survival bangsa Melayu jika fenomena seperti ini berterusan tanpa tindakan mengawalnya secara berkesan.

Marilah kita merenung kembali matlamat sebenar penubuhan Umno pada 1946 menerusi lingkungan air mata dan keringat orang Melayu semata-mata untuk memperjuangkan nasib dan survival bangsa Melayu.

Kita renungkan kembali matlamat berkecimpung dalam Umno. Adakah selaras dengan matlamat asal penubuhannya atau sekadar untuk memenuhi poket sendiri dan kepentingan diri?

Saya berpendapat setiap ahli Umno wajar meletakkan nasib dan survival bangsa sebagai matlamat utama.

Merenung sejenak kepada sajak nukilan Presiden parti berjudul 'Perjuangan yang belum selesai', kita dapati sebenarnya perjuangan memartabatkan bangsa Melayu masih jauh.

Di sinilah letaknya peranan pucuk pimpinan parti untuk mengisi erti kemerdekaan agar nasib bangsa terbela.

Masih banyak kerja yang perlu difikirkan selain mengisi tembok sendiri.

Pemimpin sewajarnya menumpukan soal apakah terjamin nasib anak muda hari ini.

Bagaimana pula prestasi anak Melayu dalam dunia pendidikan? Sejauh mana pencapaian mereka dan mampukah mereka bersaing dengan kaum lain.

Di manakah kedudukan bangsa Melayu dari segi ekonomi dan mengapakah masih wujud insan daif yang 'kais pagi makan pagi dan kais petang makan petang' di kalangan bangsa Melayu.

Bagaimana pula masalah sosial di kalangan bangsa Melayu yang semakin berleluasa.

Dalam masalah ini remaja yang memerlukan bimbingan dan nasihat pemimpin parti terabai mungkin kerana pimpinan parti sibuk bertelagah sesama sendiri dan sibuk mengejar kekayaan.

Sehingga dilaporkan dalam statistik yang dikeluarkan mengenai kemalangan jalan raya sepanjang musim perayaan berkembar tahun ini, orang Melayu paling ramai menjadi mangsa.

Jadi, dalam situasi sekarang yang memerlukan kesepaduan antara ahli Umno dan kejujuran pimpinan parti untuk terus membela nasib dan survival bangsa, kita tidak memerlukan sentimen yang bakal merosakkan perpaduan dan menjejaskan matlamat perjuangan parti.

Saya bukanlah berpendapat pertandingan di peringkat bahagian tidak perlu diadakan tetapi diadakan sekadar perlu.

Meminjam kata-kata Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Ahmad Zahid Hamidi, pemimpin yang sudah 'berkarat' perlu diganti tetapi bukanlah semua.

Namun, jika ada pemimpin yang sudah berkarat pertukaran pucuk pimpinan parti perlu dilakukan secara musyawarah dan seboleh-bolehnya pertandingan dielakkan bagi mengelakkan natijah yang tidak diingini.

Sama-sama duduk dan berbincang apa yang tidak kena dan yang perlu diperbaiki di kalangan ahli bahagian agar kita tidak membazirkan masa, tenaga dan wang semata-mata untuk melaksanakan sesuatu yang bakal merosakkan.

Bagi pemimpin yang sudah berkarat atau menyedari tidak mampu membawa cabaran dan perjuangan lagi sewajarnya menawarkan diri untuk berundur.

Jika kekuatan ukhawah dan persefahaman ahli dapat dibentuk isu pertandingan boleh diselesaikan dengan baik tanpa mengorbankan kepentingan parti.

Jika pertandingan tidak dapat dielakkan juga perwakilan sewajarnya mampu membezakan antara intan dan kaca dan membuat pemilihan terbaik untuk masa depan generasi akan datang.